

Satu langkah r

Pengurangan caj perkhidmatan ini akan menggalakkan gradu-
hutang mereka kerana kos tambahan daripada kadar caj telah

KOSMO 24/06/08 MIS 2

PERANAN Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai penyumbang utama dana pendidikan tinggi negara sejak 1997 telah banyak membantu negara melahirkan graduan berkualiti. Perbadanan yang berfungsi sebagai pemberi pinjaman di peringkat pengajian tinggi ini merealisasikan aspirasi kerajaan dalam mewujudkan peluang yang sama rata bagi setiap pelajar melanjutkan pengajian di peringkat tetiari. Kecekapan pinjaman juga menjadi matlamat utama PTPTN dalam usaha melahirkan modal insan yang cemerlang bagi menjana ekonomi negara.

Dalam usaha menjadi sebuah institusi kewangan yang memiliki sumber kewangannya sendiri bagi membiayai pinjaman pendidikan menjelang 2015, PTPTN berhadapan dengan isu caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas peminjamnya. Langkah Kementerian Pengajian Tinggi menyemak semula kadar caj yang kini 3 peratus adalah wajar dan selari dengan situasi ekonomi negara yang kini berhadapan dengan inflasi serta kenaikan kadar bunga. Langkah ini akan membawa beberapa implikasi dan PTPTN seharusnya mencari mekanisme baru dalam menyediakan pinjaman kepada pelajar pengajian tinggi.

Langkah ini kelak semestinya mengurangkan beban peminjam dalam melangsaikan hutang mereka. Peminjam secara langsung akan menjelaskan bayaran ansuran yang rendah berbanding sebelumnya dan ini membantu mereka yang baru melangkah ke alam pekerjaan. Dengan purata pendapatan yang diterima sekitar RM1800 hingga RM2500 sebulan oleh graduan, pengurangan caj ini membolehkan mereka menabung untuk membina kehidupan dan membantu ibu bapa. Dengan caj dikenakan berasaskan baki berakhir setiap bulan, hal ini bermakna graduan terpaksa membayar sejumlah 36 peratus caj daripada baki pinjaman mereka setiap tahun dengan caj bulanan 3 peratus. Sekiranya semakan caj ini dilakukan dan berlakunya pengurangan sebanyak 50 peratus kelak, graduan hanya perlu membayar 18 peratus setahun bagi baki pinjaman mereka. Langkah ini jelas dapat mengurangkan beban graduan dalam merancang kewangan mereka.

Pengurangan caj ini juga akan membantu mengurangkan pinjaman tak berbayar (*non performing loans*) yang dihadapi oleh PTPTN dan akan menggalakkan graduan membayar tunggakan hutang kerana kos tambahan daripada kadar caj telah berkurangan. Kadar caj sebanyak 3 peratus sebulan ini dilihat agak tinggi kepada graduan yang baru memulakan kerjaya dan faktor ini mungkin salah satu sebab peminjam liat melangsaikan hutang mereka. Sekiranya pengurangan caj ini dapat menggalakkan pembayaran pinjaman, kecekapan pinjaman akan dapat dipertingkatkan dan matlamat PTPTN sebagai pembiaya kewangan pendidikan tinggi secara efisien akan tercapai.

Namun langkah ini sekiranya dilaksanakan mungkin akan mewujudkan kos kepada kerajaan dari aspek subsidi yang terpaksa ditanggung. Dana PTPTN umumnya diperoleh daripada kerajaan dan kerajaan memperoleh dana ini secara pinjaman, daripada institusi tertentu seperti

Mahasiswa Menulis

- Nama: **Mohd Hafeez Mohd Nizam**
- Tahun: **Tahun 3**
- Fakulti: **Fakulti Ekonomi**
- Universiti: **Universiti Kebangsaan Malaysia**

KWSP dan sebagainya. Langkah pengurangan caj ini akan mewujudkan tambahan pembayaran subsidi bagi pihak kerajaan dan akan menjejaskan kewangan kerajaan. Apa yang pasti, sekiranya pengurangan sebanyak 50 peratus caj perkhidmatan tersebut dilakukan maka sebanyak 1.5 peratus tambahan subsidi perlu ditanggung oleh pihak kerajaan. Isu ini mungkin membawa implikasi yang kecil, namun dalam usaha kerajaan mewujudkan kecekapan pengagihan subsidi, perkara ini perlu dipertimbangkan semula.

Dalam usaha memajukan sistem pendidikan negara melalui pembiayaan pendidikan tinggi, beberapa usaha yang telah dan perlu diambil akan membantu PTPTN lebih cekap memainkan peranannya. Pemilikan akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sebagai satu pra syarat bagi menerima pinjaman merupakan satu langkah bijak kerana ia melibatkan penyertaan tabungan ibu bapa dalam membiayai pendidikan anak-anak mereka.

Selain itu, PTPTN juga boleh mempertimbangkan aplikasi sistem kewangan Islam dalam memberi pinjaman kepada mahasiswa. Skim pinjaman Al-Qardh ul-Hasan boleh diperkenalkan bagi pelajar melanjutkan pengajian mereka. Skim ini mewujudkan keseimbangan di antara pembiaya dan peminjam. Aplikasi Wakaf Tunai juga boleh dikembangkan dan sekiranya hal ini berjaya, PTPTN secara tidak langsung menyumbang kepada pertumbuhan kewangan Islam di Malaysia. Dalam usaha PTPTN menjadi institusi pembiaya pendidikan terulung, kerjasamanya dengan pihak swasta boleh digiatkan dalam mengumpul dana. Kerjasama berbentuk timbal balas boleh diwujudkan bagi meningkatkan jaringan industri dalam kalangan pelajar. Melalui kerjasama ini, pelajar yang menerima pembiayaan PTPTN akan diserap di syarikat kerjasama PTPTN. Hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kes siswazah menganggur.

Skim pembayaran diskaun mengikut kelas ijazah juga wajar diwujudkan bagi menggalakkan mahasiswa mencapai gred yang baik dalam pengajian mereka. Dasar ini juga merupakan satu motivasi bagi para pelajar di bawah pembiayaan PTPTN dalam mencapai kejayaan yang cemerlang.

Dalam usaha memperkasakan sistem pendidikan tinggi negara dan melahirkan modal insan yang cemerlang, peranan PTPTN tidak boleh dinafikan selaku pembiaya kewangan.

Langkah pengurangan caj perkhidmatan yang dicadangkan ini akan membawa beberapa implikasi. Justeru, langkah menang-menang perlu dicari dalam usaha mewujudkan kecekapan pinjaman dan melahirkan graduan yang terbilang.

elevan

uan membayar tunggakan
h berkurangan.



PENGURANGAN caj perkhidmatan akan menggalakkan pembayaran pinjaman manakala kecekapan pinjaman turut dipertingkatkan. – Gambar hiasan